

# Usah kompromi isu keselamatan jalan raya

Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AWAS) adalah kombinasi Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) dan Sistem Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (Kejara) diharap dapat mengubah sikap pengguna jalan raya di Malaysia.

**K**ERETA Proton Wira berwarna hitam keluaran 1999 itu dipandu penuh hati-hati dari Jalan Sungai Pinang ke pejabat lamanya sejauh kira-kira 5 kilometer di Jalan Perak, George Town, Pulau Pinang.

Mendekati lampu isyarat yang menunjukkan warna kuning, dia mula

memperlahankan kenderaan. Namun, tanpa disangka, sebuah kereta meluru laju merempuh Proton Wiranya dari arah belakang, sekali gus menyebabkan kenderaan itu terlanggar sebuah kereta lain di hadapan.

Drama pelanggaran 'ala sandwic' itu bukan perkara luar biasa walaupun tidak berlaku setiap hari. Perjalanan yang mungkin mengambil masa 15 minit boleh memakan masa berjam-jam apabila terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Mengimbau kenangan tiga tahun lalu itu, **Samantha Tan**, 32, bercerita, ia bukan kali pertama dia menjadi mangsa pemandu cuai.

Seorang penunggang motosikal juga pernah secara tiba-tiba terbabas dan tergolek di bawah keretanya di tengah jalan yang sesak.

"Saya sempat membrek kenderaan. Lebih malang apabila pemandu yang menjadi punca masalah itu sukar memberi kerjasama dan bersikap keras kepala.

"Itu belum dikira kos wang, masa dan tenaga untuk menghantar kereta ke bengkel selain perlu menjalani prosedur tuntutan insurans kemalangan yang merenyahkan," luahnya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

**Pengarah Bahagian Penguat Kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia, Datuk Valluvan Veloo** berkata, satu pemandangan yang biasa apabila manusia menemui ajal akibat kemalangan jalan raya di negara ini.



**Setiap hari**

Hampir setiap hari, kemalangan dilaporkan berlaku di akhbar dan televisyen selain dikongsi secara meluas di media sosial. Jika diperhatikan, sebilangan besar rakyat negara ini mungkin akan bersedih dan berasa simpati seketika kepada mangsa terlibat.

"Namun, beberapa minit selepas melepasi kawasan kemalangan atau menonton dan membaca berita mengenai sesuatu insiden itu, mereka

kembali semula kepada tabiat pemanduan lama yang kurang baik seperti memandu laju, melanggar lampu isyarat dan sebagainya," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di pejabatnya di Putrajaya baru-baru ini.

Jelasnya, sebanyak 489,606 kes kemalangan jalan raya dengan 6,706 kematian direkodkan di negara ini tahun

lalu. Angka itu meletakkan Malaysia di tangga kedua selepas Thailand bagi kadar kemalangan tertinggi di Asia Tenggara dan ke-28 dunia.

Katanya, usaha mengawal kadar kemalangan dilakukan berterusan termasuk kerajaan menaik taraf Kurikulum Pendidikan Pemandu oleh JPJ sejak 2014, namun masih belum mencukupi.

Justeru itu, Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AWAS) yang menggabungkan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) dan Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (Kejara) diperkenalkan.

Sekiranya pindaan Akta JPJ berkaitan AWAS diluluskan di Parlimen, ia akan berkuat kuasa serta-merta kerana kemudahan infrastruktur untuk melaksanakan set undang-undang baharu itu sudah siap sepenuhnya.

"Sistem itu mempunyai 60